



22 OCT, 2021

Vaksinasi `kunci` pemulihan pandemik negara

Harakah, Malaysia



Page 1 of 3

Vaksinasi `kunci` pemulihan pandemik negara

Oleh **KHAIRUL AZLAM MOHAMAD**

KUALA TERENGGANU: Secara keseluruhannya, negara ini telah berada di fasa tiga Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan mensasarkan bagi memasuki fasa empat setelah mencukupi syarat populasi dewasa vaksinasinya.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Dato' Ahmad Amzad Hashim berkata, kunci pemulihan negara daripada belenggu pandemik Covid-19 adalah vaksinasi.

Katanya, pelan vaksinasinya yang dirancang selama ini telah berjaya melangkaui sasaran awal 80 peratus kerana sehingga pertengahan Oktober ini telah melepasi 90 peratus kadar populasi dewasa di negara ini.

"Saya ditempatkan di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang bertanggungjawab

langsung dalam soal melaksanakan tugas yang amat besar dan penting ini.

"Alhamdulillah, sukacita saya maklumkan bahawa Pelan Vaksinasi yang kita (kerajaan) rancang selama ini telah berjaya melangkaui daripada sasaran asal yang kita tetapkan untuk capai bulan Mac 2022. Sehingga tarikh hari ini bukan 80 peratus tetapi sehingga pagi tadi (17 Oktober) lebih daripada 91.6 peratus populasi dewasa telah berjaya dilengkapkan vaksinasinya.

"Maka, kerana itu kerajaan perlu segera memastikan negara dikemudi keluar daripada keadaan pandemik ini secepat yang boleh supaya dapat kembali kepada kehidupan kita. Kerana itu, kerajaan memberi penekanan untuk segera memacu keluar daripada pandemik ini," ujarnya.



Dato' Ahmad Amzad Hashim

H24



22 OCT, 2021

Vaksinasi 'kunci' pemulihan pandemik negara

Harakah, Malaysia



Page 2 of 3

Vaksinasi 'kunci' pemulihan pandemik negara - Dato' Amzad

Oleh KHAIRUL AZLAM MOHAMAD

KUALA TERENGGANU: Secara keseluruhannya, negara ini telah berada di fasa tiga Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan mensasarkan bagi memasuki fasa empat setelah mencukupi syarat populasi dewasa vaksinasinya.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Dato' Ahmad Amzad Hashim berkata, kunci pemulihan negara dari belunggu pandemik Covid-19 adalah vaksinasinya.

Katanya, pelan vaksinasi yang dirancang selama ini telah berjaya melangkaui sasaran awal 80 peratus kerana sehingga pertengahan Oktober ini telah melepasi 90 peratus kadar populasi dewasa di negara ini.

"Saya di tempatkan di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang bertanggungjawab langsung dalam soal melaksanakan tugas yang amat besar dan penting ini.

"Alhamdulillah, sukacita saya maklumkan bahawa Pelan Vaksinasi yang kita (kerajaan) rancang selama ini telah berjaya melangkaui daripada sasaran asal yang kita tetapkan untuk capai bulan Mac 2022. Sehingga tarikh hari ini bukan 80 peratus tetapi sehingga pagi tadi (17 Oktober) lebih daripada 91.6 per-



Dato' Amzad, vaksinasi 'kunci' pemulihan pandemik negara.

atus populasi dewasa telah berjaya dilengkapkan vaksinasinya.

"Maka, kerana itu kerajaan perlu segera memastikan negara dikediri ini secepat yang boleh supaya dapat kembali kepada kehidupan kita. Kerana itu, kerajaan memberi penekanan untuk segera memacu keluar daripada pandemik ini," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyerahan Sumbangan Bahan Kimia Sanitasi bagi masjid-masjid dalam Parlimen Kuala Terengganu di Dewan Terbuka Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT), Kuala Tereng-

ganu, pada 17 Oktober lalu.

Menurutnya, terdapat 'indikator', petunjuk atau ukuran di dalam menentukan kejayaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang telah dikenal pasti dan diumumkan oleh kerajaan.

"Indikator ini yang tentukan sama ada kita boleh beralih daripada fasa satu kepada fasa dua, dan fasa tiga yang mana kita berada ketika ini. Pertama, berkaitan kadar jangkitan baru kes Covid-19.

"Kedua, kesiapsiagaan sistem kesihatan awam negara kita. Indikator yang digunakan ialah peratus penggunaan katil ICU bahagian kecemasan dan ketiga, kadar vaksinasi di dalam negara.

"Oleh itu, kunci pemulihan wabak ini ialah vaksinasi dan inilah kunci sebenar Pelan Pemulihan Negara, Insya'Allah," jelasnya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Kuala Terengganu berkata, kerajaan seterusnya mensasarkan fasa empat bagi membolehkan sektor ekonomi negara dapat dibuka dengan lebih meluas selepas ini.

"Kita mensasarkan untuk mencapai fasa empat dan kebanyakan sektor ekonomi telah dibuka semula, banyak pengumuman telah dibuat, kebenaran rentas negeri.

"Alhamdulillah, kita telah berada di fasa tiga keseluruhannya di seluruh negara di dalam Pelan Pem-

ulihan Negara yang telah ditetapkan sejak daripada Jun lalu dan dijangka mengambil masa sekitar enam bulan.

"Negara mensasarkan dalam tempoh enam bulan kita perlu mengemudi negara keluar daripada keadaan yang kita terbelunggu oleh SOP (Prosedur Operasi Standard), PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) dan sebagainya.

"Cuma yang merungsingkan kita, takut kita lupa. Kita ingat, kita sudah pulih seperti sediakala. Hakikatnya, kuman yang berkenaan masih ada di sekeliling kita," ujarnya.

Sehubungan itu, katanya lapo-

ran sukuan kedua ekonomi negara telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 16 peratus yang merupakan kadar tertinggi di dunia dan diikuti dengan negara India.

"Untuk tahun ini, ekonomi negara kita dijangka mencatat pertumbuhan sekitar 4.2 peratus dan suatu angka yang baik. Satu angka yang mendapat kepujian di peringkat penarafan badan-badan dunia," jelasnya.

Hadir sama pada majlis itu, Timbalan Pesuruhjaya Pentadbiran Kewangan dan Pembangunan JHEAT, Ustaz Mohd Ridhuan Modh Nor dan Pegawai Agama Daerah Kuala Terengganu, Shukri Faiz Jusoh.



Sebanyak 36 buah masjid dalam Parlimen Kuala Terengganu menerima sumbangan set peralatan dan bahan kimia sanitasi Covid-19 daripada Dato' Ahmad Amzad Hashim.



22 OCT, 2021

Vaksinasi `kunci` pemulihan pandemik negara

Harakah, Malaysia



SUMMARIES

KUALA TERENGGANU: Secara keseluruhannya, negara ini telah berada di fasa tiga Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan mensasarkan bagi memasuki fasa empat setelah mencukupi syarat populasi dewasa vaksinasinya. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Dato' Ahmad Amzad Hashim berkata, kunci pemulihan negara daripada belenggu pandemik Covid-19 adalah vaksinasi.